

Headline	Penyudah tumpul undang resah TNB		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	09 Feb 2024	Readership	467,988
Circulation	155,996	Page No	46
Section	Sukan	Journalist	MUHAMMAD
ArticleSize	549 cm ²		
PR Value	RM 42,741		



TNB berjaya merampas gelaran Piala Sumbangsih selepas menundukkan penyandang juara THT pada aksi di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil kelmarin. – FB MHC

Penyudah tumpul undang resah TNB

Oleh MUHAMMAD HELMEE RAMLI

PASUKAN Tenaga Nasional Berhad (TNB) meraih gelaran pertama dalam saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini selepas membenam cabaran Pasukan Hoki Terengganu (THT) bagi menjulang Piala Sumbangsih.

Pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil malam kelmarin, TNB merampas trofi berkenaan daripada THT apabila menang 3-1 menerusi aksi shootout se-

lepas kedua-dua pasukan terikat seri 2-2.

Jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini Nasiruddin bagaimanapun belum berpuas hati dengan aksi ditampilkan anak-anak buahnya yang dilihat banyak mensiasakan peluang melakukam jaringan.

Walaupun dihidangkan deretan peluang selain dianugerahkan banyak pukulan sudut penalti (PC), namun TNB gagal memanfaatkan situasi tersebut bagi memastikan mereka menang dalam waktu sebenar per-

lawanan.

"Sepanjang perlawanan ini, pemain-pemain TNB bermain baik, cuma ada sedikit kelemahan iaitu hanya merjaringkan dua gol selain mensiasakan banyak peluang. Oleh sebab itu, kita catat keputusan seri dan menang menerusi shootout."

"Kita dapat satu mata untuk aksi liga dan memang menjadi kerisauan memandangkan saingan semakin sengit. Secara jurur, Maybank dan THT juga ada peluang untuk menjadi juara

liga," katanya.

Pada aksi Piala Sumbangsih itu, TNB membuka tirai jaringan seawal minit ketiga menerusi pemain import, Jang Jong-hyun sebelum Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal mengandakan kedudukan 20 minit kemudian.

Bagaimanapun, THT yang merupakan juara trebel musim lalu tidak mudah berputus asa apabila bangkit mengejar menerusi dua jaringan Mohd. Fitri Saari di suku masa kedua bagi mengheret perlawanan ke aksi

shootout.

Sementara itu, Nor Saiful se- dia untuk memperbaiki kelemahan pasukannya dari segi melakukan jaringan, lebih-lebih lagi mereka memiliki Jong-hyun yang dianggap sebagai pakar pukulan sudut penalti.

"Apa yang perlu diperbaiki lagi selepas ini adalah cara untuk jarangkank gol. Hari ini (kelmarin) kita dapat empat PC berturut-turut, tetapi gagal manfaatkannya dan ia sangat merugikan pasukan," ujarnya.